

22/03/1999

PPP minta peruntukan kerusi pilihan raya

IPOH, Ahad - Parti Progresif Rakyat Malaysia (PPP) akan mengemukakan memorandum kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, meminta parti itu diberi peruntukan kerusi dalam pilihan raya umum akan datang.

Presidennya, Datuk M Kayveas, berkata memorandum itu yang diperincikan dalam mesyuarat tergepar Majlis Tertinggi parti itu di sini, malam tadi dijangka diserahkan kepada Perdana Menteri, selewat-lewatnya hujung minggu ini.

Bercakap kepada pemberita selepas mesyuarat itu, beliau berkata, memorandum itu antara lain meminta PPP diberi pertimbangan kerusi pada pilihan raya umum di beberapa negeri di pantai barat seperti Perak, Kedah, Pulau Pinang, Selangor, Melaka dan Johor.

"Inilah kawasan yang PPP mempunyai sokongan kuat dan mempunyai peluang untuk menang jika dibenarkan bertanding," katanya di sini, malam tadi.

Kayveas berkata, dalam usaha memastikan peruntukan kerusi diberi kepada PPP, pihaknya meminta kerjasama semua parti komponen Barisan Nasional (BN) terutama MCA, MIC dan Gerakan supaya menyokong permohonan itu.

(END)